

Headline	SEHB rancang labur RM4.4 juta	Language	MALAY
Date	03. Oct 2008	Page No	24
Media Title	Berita Harian	Article Size	229 cm²
Section	Ekonomi	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	4066.47



SEHB rancang labur RM4.4 juta

Syarikat mahu hasilkan pelincir bio komersial

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fis@bharian.com.my

SOLUTION Engineering Holdings Bhd (SEHB), syarikat peralatan pembelajaran kejuruteraan tempatan, memperuntukkan pelaburan RM4.4 juta bagi menghasilkan pengeluaran minyak pelincir bio secara komersial daripada bahan berasaskan sisa minyak sawit dan minyak sayuran lain.

Pengarah Urusannya, Barry Lim, berkata projek itu yang dilaksanakan anak syarikatnya, Solution Biogen Sdn Bhd bermatlamat menghasilkan minyak pelincir bio secara komersial daripada bahan berasaskan sisa minyak sawit dan minyak sayuran lain.

Katanya, proses penghasilan minyak itu menggunakan kapakaran dan teknologi dibangunkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berkata, menerusi usaha sama dengan UPM, pihaknya memperoleh geran kerajaan untuk membangunkan sebuah kilang khusus bagi menghasilkan asas minyak pelincir bio yang mampu mengeluarkan bahan itu sebanyak 700 tan setahun.

"Untuk peringkat awal, produk yang dikeluarkan itu akan dijual kepada syarikat dan kilang pengeluar minyak pelincir yang akan memprosesnya untuk dijadikan minyak pelincir sintetik, cecair hidrolik dan biodiesel.

"Dalam tempoh dua tahun, kami merancang mengeluarkan produk minyak pelincir bio jenama sendiri menggunakan produk dihasilkan berkaitan kejuruteraan kimia, mekanikal, elektrikal dan automasi serta kejuruteraan kawalan."

Hadir sama Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia dan

Alam Sekitar UPM, Prof Madya Dr Robiah Yunus, iaitu penyelidik yang bertanggungjawab membangunkan kaedah penghasilan bahan asas minyak pelincir bio itu.

Solution Engineering yang ditubuhkan pada 1988 disenaraikan di Pasaran Mesdaq Bursa Malaysia pada 2005. Setakat ini ia menghasilkan lebih 100 produk peralatan pembelajaran kejuruteraan jenama SOLTEQ yang turut dieksport ke 18 negara.

Produk keluaran Solution Engineering kebanyakannya digunakan oleh universiti, kolej, politeknik dan pusat pembelajaran teknikal lanjutan untuk pengajaran kursus berkaitan kejuruteraan kimia, mekanikal, elektrikal dan automasi serta kejuruteraan kawalan.

Lim berkata, penghasilan minyak pelincir bio kurang



“Dalam tempoh dua tahun, kami rancang mengeluarkan produk minyak pelincir bio jenama sendiri”

Barry Lim
Pengarah Urusan Solution Engineering Holdings Bhd

diberi perhatian ketika ini kerana sumber bahan menahnya yang lebih diperlukan untuk kegunaan lain yang lebih utama, selain teknologi penghasilannya yang mahal.

Beliau berkata, permintaan terhadap minyak pelincir bio dijangka meningkat pada masa akan datang berikutan meningkatnya tahap kesedaran orang ramai terhadap alam sekitar.